

BAB TIGA

HURUF –HURUF BAHASA ARAB DAN BAHASA MELAYU

3.0 Pendahuluan.

Tidak sedikit bahasa yang dituturkan, masing-masing memiliki ciri-ciri huruf tersendiri, walaupun secara am bahawa bahasa – bahasa itu memiliki pola yang serupa.: Abduh al-Rājiḥīy 1992: 46). Dalam bab ini, enulis akan menghuraikan huruf-huruf BA dan BM, seperti bilangan huruf BA dan susunannya, sebutan huruf BA, kekekalan sebutan huruf BA, huruf dalam BM, persukuan dan hukum keselarasan ejaan kata serapan dari bahasa asing. Masing-masing akan dibahas seperti yang berikut ini:

3.1 Bilangan Huruf BA dan Susunannya.

Sepertimana telah dikatakan pada huraian sebelumnya, bahawa ahli bahasa berselisih pendapat mengenai jumlah bilangan

huruf BA; sebahagiannya mengatakan sebanyak dua puluh sembilan (29), dan sebahagian lagi mengatakan dua puluh delapan (28), jika mengambil kira fonem *هَمْزَةٌ* dan *أَلْفٌ* sebagai satu huruf.

Huraian kedua-dua pendapat di atas seperti berikut:

1- al-Kḥalīl bin Aḥmad al-Farāḥīdīy (Jld. , 967 : 65) mengatakan bahawa bilangan huruf BA sebanyak dua puluh sembilan (29) huruf. Adapun susunannya seperti di bawah:

ع ح ه خ غ ج ش ض ص س ز ط د ت ظ ذ ث ر ل ن ف ب م و ا ي ء

2- Sibawayh (Jld. 2, 1316: 404) mengatakan bahawa bilangan huruf BA sebanyak dua puluh sembilan (29) dan susunanya seperti di bawah:

ء ا ه ع ح غ خ ك ق ض ج ش ي ل ر ن ط د ت ص ز س ظ ذ ث ف ب م و

Susunan ini mengacu kepada susunan makhrajnya, iaitu mendahulukan huruf-huruf yang makhrajnya paling dalam (huruf ḥalaq) dan seterusnya, kemudian meletakkan huruf *بَ مَ و* (bā, mīm dan wāw) pada akhir susunannya, kerana huruf tersebut merupakan huruf syafah (huruf bibir).

Sebenarnya, jika diperhatikan secara detail, kedua-dua susunan di atas hampir sama, kerana masing-masing menempatkan huruf ḥalaq (huruf yang keluar dari rongga tekak) di permulaan susunan, dan menempatkan huruf *syafawīy* (huruf yang sebutanya di bibir) pada urutan yang terakhir, sekalipun tertib penyusunannya secara keseluruhan berbeza.

Di samping susunan mengikut tertib makhraj seperti kedua-dua susunan di atas, Ibn Jinnīy (1371 H) pula membuat susunan sendiri mengikut sistem alfabet. Dalam susunan tersebut beliau mendahulukan huruf alif yang dibubuh *hamzat* di atasnya (أ) dan menempatkan huruf *alif lam* yang bersambung (ل) sebelum akhir urutan susunannya. Jadi, huruf-huruf tersebut berjumlah dua puluh sembilan (29) huruf, yang susunannya seperti berikut:

أ ب ت ث ج ح خ د د ر ز س ش ص ض ط ظ ع غ ف ق ك ل م ن ه و لاي

Pendapat lain pula mengatakan, bahawa bilangan huruf BA sebanyak dua puluh delapan (28) huruf, seperti yang dikatakan oleh al-Mubarrid (Jld. 1.t.t : 192). Kiraan tersebut tidak memfungsikan alif sebagai huruf, kerana ia hanya merupakan lambang mad (vokal panjang). Pendapat yang serupa pula dikatakan oleh Kamāl Bisyr (1980: 96).

3.2 Sebutan Huruf Bahasa Arab

‘Abd al-Karīm al-Rā’īdy (1988: 46) mengatakan:

وَأِنَّمَا تَعْتَمِدُ هَذِهِ اللَّغَةُ عَلَى تَقْسِيمِ الْحُرُوفِ بِحَسَبِ مَوَاقِعِهَا مِنْ أَجْزَاءِ النَّطْقِ

Maksudnya: Sesungguhnya pembahagian huruf dalam BA berdasarkan kepada kedudukan posisinya dalam organ mulut.

Memandangkan ketentuan di atas, maka kita dapati huruf dalam BA diberi gelaran yang tertentu, seperti الشَّفَتَيْنِ (sebutan huruf dari dua bibir), الْحَوْفُ (sebutan huruf dari tengah ruang mulut), الْحَلْقُ (sebutan huruf dari hālkum atau tenggorok) اللِّسَانِ (sebutan huruf dari lidah dan sekitarnya) dan الأَخْيُومِ (sebutan huruf dari hidung). Hasan Zāzā (1976:7) mengatakan:

فَالْبَاءُ وَالْمِيمُ وَالْفَاءُ حُرُوفٌ شَقَّةٌ لَأَنَّ مَنطِقَةَ التُّنُوقِ بِهَا الشَّفَتَانِ، وَالْعَيْنُ وَالْحَاءُ
 وَالْهَمْزَةُ وَالْهَاءُ حَلْقِيَّةٌ لَأَنَّ مَخَارِجَهَا فِي الْحَلْقِ، وَالشَّيْنُ وَالرَّايُ وَالصَّادُ
 حُرُوفٌ صَفِيرِيَّةٌ أَسْنَانِيَّةٌ، كَمَا أَنَّ الْقَافَ وَالْعَيْنَ وَالْحَاءَ لَهَوِيَّةٌ لَأَنَّ مَنطِقَةَ
 خُرُوجِهَا اللَّهَاءُ وَمَا جَاوَزَهَا وَهَكَذَا.

Maksudnya: Huruf bā ب, mīm م dan fā ف merupakan huruf syafawīy (bibir), kerana daerah sebutanya daripada dua bibir, 'ain, ع khā خ hamzat ʾ dan ḥā ح merupakan huruf ḥalqūm, kerana daerah sebutanya daripada ḥalqūm (tenggorokan), huruf syīn ش zāi ز dan ṣād ص merupakan huruf safariyat asnāniyyat, kerana daerah sebutanya daripada ujung gigi, dan huruf qāf ق ghīn غ khā خ merupakan huruf lahawiyat, kerana daerah sebutannya daripada laḥat (anak tekak) dan sekitarnya,

Memperhatikan ketentuan di atas, terdapat berbagai-bagai jenis sebutan huruf dalam BA yang tidak ada persamaannya dalam huruf BM, bahkan huruf-huruf bahasa rumi. Kenyataan ini selari dengan yang dikatakan oleh Sulaymān Yāqūti (1983: 18):

إِنَّ فِي الْعَرَبِيَّةِ حُرُوفًا لَا نَظِيرَ لَهَا فِي الْإِنجِلِيزِيَّةِ كَالْحَاءِ الَّتِي يَنْطِقُهَا
 الْإِنجِلِيزِيُّ هَاءًا وَالْحَاءُ الَّتِي يَنْطِقُهَا كَافًا فِيهَا إِشْمَامٌ بَسِيطٌ مِنَ الْحَاءِ
 وَكَذَلِكَ حَرْفُ الصَّادِ لَا وُجُودَ لَهُ فِي الْإِنجِلِيزِيَّةِ.

Maksudnya: Dalam BA terdapat huruf-huruf yang tidak ada persamaannya dalam bahasa Inggeris. Huruf-huruf tersebut ialah khā 'خ yang di sebutkan oleh orang Inggeris ha, dan ḥā 'ح yang di sebutkan oleh orang Inggeris seperti mereka menyebutkan huruf kaf ك dengan mendekati sedikit isymām dari khā, خ begitu juga huruf dād ض tidak terdapat dalam bahasa Inggeris.

Berdasarkan kenyataan di atas, orang yang tidak berbahasa Arab, apabila mereka mempelajari BA, maka salah satu hal yang perlu diperhatikan ialah mengenali ciri-ciri huruf BA dan sebutannya. Ini sangat penting, kerana beberapa sebutan huruf dalam bahasa tersebut tidak terdapat persamaannya dengan huruf-huruf bahasa lain. Pengalaman penulis mengajar bahasa Arab di kalangan masyarakat Melayu membuktikan bahawa mereka banyak yang terkeliru dalam menyebutkan huruf-huruf tertentu dalam BA. Misalnya mereka kadang-kadang tidak dapat membezakan penyebutan dua huruf *tā'* ت dan *ṭā'* ط seperti perkataan طَوِيلٌ, mereka menyebutkan تَوِيلٌ, padahal yang di maksud ialah طَوِيلٌ (panjang), dan mengatakan تَائِرَةٌ, padahal yang dimaksud ialah طَائِرَةٌ (kapal terbang). Kekeliruan-kekeliruan sebegini terjadi kerana huruf ط (*ṭā'*) tidak terdapat dalam BM. Huruf tersebut yang hampir dengan huruf BM ialah huruf (t). Begitu juga mereka tidak dapat membezakan sebutan dua huruf, iaitu *ḥā'* ح dan *hā'* هـ seperti kata حَمِيدٌ (*Ḥamīd*) dan هَمِيدٌ (*Hamīd*) (nama orang). Fenomena ini sering berlaku di kalangan mereka yang tidak berbahasa Arab sewaktu membaca atau menuturkan bahasa Arab. Begitu juga orang Arab ketika menyebutkan perkataan yang diawali dengan huruf (p) seperti *pasir*, mereka akan menyebut *basir* kerana dalam BA tidak ada huruf (p) yang lebih dekat dengan huruf itu adalah *bā'* ب dalam BA.

Selain kenyataan di atas, penulis juga perlu menjelaskan bahwa huruf BA memiliki kesempurnaan dan ringkas berbanding huruf-huruf bahasa lain. Artinya tidak terjadi penyebutan satu huruf dalam BA yang diwakili oleh dua huruf. Kenyataan ini selari dengan yang dikatakan oleh ‘Abd al-Karīm al-Rā’idīy (1988: 48):

اسْتَعْنَتْ الْعَرَبِيَّةُ عَنِ تَمَثِيلِ الْحَرْفِ الْوَاحِدِ بِحَرْفَيْنِ مُشْتَبِكَيْنِ أَوْ مُتَلَاصِقَيْنِ
 كَمَا يَكْتُبُونَ النَّاءَ وَالذَّالَ وَالشَّيْنَ وَغَيْرَهَا فِي بَعْضِ اللُّغَاتِ كَالْإِنجِلِيزِيَّةِ مَثَلًا
 الَّتِي تُعَبَّرُ بِحَرْفَيْنِ: (th) عَنِ النَّاءِ تَارَةً وَعَنِ الذَّالِ أُخْرَى، وَتُعَبَّرُ عَنِ
 الشَّيْنِ بِحَرْفَيْنِ (sh)

Maksudnya: Tidak terdapat dalam huruf BA sebutan satu huruf ditulis dengan dua huruf yang berdampingan, seperti ث (th), ذ (dh) ش (sy) dan yang lainnya. Huruf-huruf itu di tulis dalam huruf Inggeris atau rumi dengan dua huruf, iaitu (th) untuk huruf (ث), kadang kala untuk huruf (ذ), dan (sy) untuk huruf (ش).

Penulis berpendapat bahawa kepraktisan huruf Arab itu disebabkan oleh kesempurnaan hurufnya, di samping merupakan bahasa yang ‘ijāz (ringkas dan padat), seperti yang dikatakan oleh Ḥamdān al-Rāzīy (Jld. 1, 1957: 46):

لُغَةُ الْعَرَبِ هِيَ اللُّغَةُ التَّامَّةُ الْحُرُوفِ، الْكَامِلَةُ الْأَلْفَاظِ، لَمْ يَنْقُصْهَا شَيْءٌ مِنْ
 الْحُرُوفِ فَيَشِيئُهَا التَّقْصَانُ، وَلَمْ يَزِدْ فِيهَا شَيْءٌ فَتُعَبِّئُهَا الزِّيَادَةُ.

Maksudnya: Bahasa Arab ialah bahasa yang sempurna bilangan huruf dan lafaznya, tidak terdapat kekurangan bilangan huruf-hurufnya sehingga menjejaskanya, dan tidak pula berlebihan bilangan huruf-hurufnya, sehingga mengakibatkan tidak sempurnanya.

3.3 Kekekalan Sebutan Huruf Bahasa Arab

Sejak sekian abad lamanya bahasa merupakan alat komunikasi atau perhubungan di antara individu manusia atau bangsa. Oleh itu, bahasa akan terus berkembang mengikut perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh penuturnya. Akan tetapi sebutan huruf BA tetap tidak mengalami suatu perubahan, walaupun berlakunya perkembangan yang pesat dan perbezaan zaman dan tempat sejak lima belas abad yang lalu. Penuturnya yang hidup pada kurun ini dapat memahami dengan mudah teks-teks yang ditulis pada zaman sebelum Islam, yang dikenali sebagai zaman jāhily. Sejarah telah membuktikan bahawa pada zaman tersebut terdapat syair-syair yang ditulis dan diperkatakan oleh masyarakat Arab pada waktu itu. Jadi, perbezaan jarak dan masa yang begitu jauh tidak mempengaruhi sedikit pun sebutan huruf BA. Muḥammad al-Mubārak (1970:251) mengatakan:

نُسِبَاتُ أَصْوَاتِ الْحُرُوفِ فِيهَا عَلَى مَرِّ الْأَجْيَالِ وَالْعُصُورِ تَوْفِيرًا لِلْجُهْدِ وَدِلَالَةً
عَلَى الْإِتِّصَالِ بَيْنَ أَجْيَالِ الْأُمَّةِ الْعَرَبِيَّةِ .

Maksudnya: Kekekalan sebutan huruf-huruf BA, sekalipun telah melalui berbagai-bagai generasi, menunjukkan suatu usaha untuk mengeratkan hubungan suatu generasi dengan generasi bangsa Arab lainnya.

Penulis berpendapat, mungkin selain faktor-faktor di atas masih ada faktor lain, iaitu kerana BA merupakan bahasa al-Quran, sehingga keutuhan dan kekekalannya di tengah-tengah masyarakat Islam telah mendapat jaminan dan pemeliharaan daripada Allāh (s.w.t). seperti dalam firmanNya:

{إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ}

Maksudnya: Kami telah menurunkan al-Quran dan Kami senantiasa memeliharanya (Surah al-Hijr: 9).

Kenyataan sebegini selari dengan apa yang dikatakan oleh. Şubhîy al-Şālih (1970: 285):

فَأَصْوَاتُ الْعَرَبِيَّةِ الْفُصْحَى كَمَا نَنْطِقُهَا الْآنَ هِيَ كَمَا كَانَتْ مُنْذُ خَمْسَةِ عَشَرَ
قُرُونًا أَوْ تَزِيدُ، مِمَّا جَعَلْنَا قَادِرِينَ عَلَى فَهْمِ النُّصُوصِ الثَّرِيَّةِ وَالشَّعْرِيَّةِ الَّتِي
قِيلَتْ فِي الْجَاهِلِيَّةِ وَصَدَرَ الْإِسْلَامِ وَمَا بَعْدَ ذَلِكَ بِكُلِّ يُسْرٍ وَسُهُولَةٍ " وَمَعَ أَنَّ
عُلَمَاءَ اللُّغَةِ الْمُحَدِّثِينَ يُلَاحِظُونَ بَوَاجِهٍ عَامٍ أَنَّ النَّظَامَ الصَّوْتِيَّ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ
يَكُونَ ثَابِتًا خِلَالَ مَرَاكِحِ التَّطَوُّرِ لِللُّغَاتِ فَإِنَّ مُعْجِزَةَ الْعَرَبِيَّةِ تَتَجَلَّى فِي ثَبَاتِ
أَصْوَاتِهَا الَّتِي تُؤْمَى إِلَى مَدْلُولِهَا".

Maksudnya: Sebutan huruf bahasa Arab fuṣḥa(standard) sekarang sama dengan sebutannya sejak lima belas abad yang lalu atau lebih, sehingga generasi sekarang dapat memahami dengan mudah tulisan-tulisan sama ada berupa teks ataupun syi'r yang ditulis sejak zaman Jāhilīy atau permulaan Islam, dan teks-teks selepasnya dengan mudah. Padahal linguis-linguis moden telah menyatakan secara am bahawa sistem sebutan suara suatu bahasa tidak mungkin kekal, selama bahasa tersebut berkembang. Sebenarnya kekekalan sebutan huruf BA itu merupakan suatu mukzizat yang menunjukkan kepada maḍlulnya (maknanya).

Memandangkan kenyataan ini, maka semua huruf bahasa yang dituturkan, selain huruf-huruf bahasa Arab, tidak ada jaminan pemeliharaan

daripada Allāh (s.w.t), kerana bahasa tersebut bukan merupakan bahasa wahyu atau al-Quran, sehingga tidak mustahil pada suatu saat akan mengalami suatu perubahan yang sangat asing bagi penuturnya. Oleh kerana itu, mereka yang hidup pada kurun ini belum tentu dapat memahami teks-teks yang di tulis dan dituturkan lima kurun yang lalu. Kenyataan ini selari dengan apa yang dikatakan oleh ‘Abd al-Karīm al-Rā’idīy (1988: 49)

أَمَّا اللُّغَاتُ الأُخْرَى فَإِنَّ أَصْوَاتَهَا تَتَبَدَّلُ وَتَتَغَيَّرُ مِنْ حِينٍ لِأُخْرَى، وَلِذَلِكَ فَإِنَّ
صَلَّتْهُمْ بِتَرَاتِيهِمْ قَرِيبَةُ الْعَهْدِ، كَمَا فِي اللُّغَاتِ الأُورُوبِيَّةِ الْمُتَفَرِّعَةِ عَنِ اللّاتِينِيَّةِ،
فَإِنَّ عُمُرَهَا بِالنَّسْبَةِ لِغَيْرِهَا مِنَ اللُّغَاتِ قَصِيرٌ وَتَرَاتِيهَا أَقْصَرُ عُمُرًا، بِحَيْثُ لَا
يَسْتَطِيعُ الأُورُوبِيُّ الْآنَ فَهَمَّ مَا كُتِبَ قَبْلَ خَمْسَةِ قُرُونٍ أَوْ سِتَّةَ عَلَى الأَكْثَرِ،
وَذَلِكَ بِسَبَبِ تَغْيِيرِ أَصْوَاتِهَا وَتَطَوُّرِ مُفْرَدَاتِهَا.

Maksudnya: Adapun bahasa bahasa lain, dari masa ke masa sebutannya akan mengalami suatu perubahan, kerana hubungan penutur dengan peninggalannya belum lama, seperti bahasa-bahasa Eropah (BE) yang berasal dari bahasa Latin(BL). Usia bahasa tersebut apabila dibandingkan dengan usia bahasa-bahasa yang lain sangat mudah, begitu juga peninggalannya, sehingga penutur bahasa Eropah(BE) sekarang, mereka tidak dapat memahami teks-teks yang ditulis lima atau enam abad yang lalu. Sebabnya ialah kerana berlakunya suatu perubahan atau perkembangan sebutan huruf dan perkataan pada bahasa tersebut.

Dalam kaitan ini penulis berpendapat bahawa sebetulnya perubahan itu berlaku pada semua bahasa, tidak terkecuali pada BA, kerana kemajuan dan perkembangan yang dicapai oleh penuturnya. Tambahan pula bahasa tersebut selalu berperanan aktif dalam masyarakat dan dunia antarabangsa. Muhammad al-Mubārak (1970: 253) mengatakan

إِنَّ تَبْدُلَ أَصْوَاتِ الْحُرُوفِ حَتْمِيٌّ فِي جَمِيعِ اللُّغَاتِ .

Maksudnya: Sesungguhnya perubahan sebutan huruf merupakan suatu hal yang pasti pada semua bahasa..

Walaupun bagaimanapun perubahan yang berlaku pada BA tidak sampai ke peringkat asing bagi penuturnya. Misalnya antara dialek Arab Saudi dan Mesir dalam menyebut huruf ق (*qaf*), pada perkataan أَقُولُ لَكَ (saya berkata kepadamu). Dialek Mesir menyebut أُؤَلِّكَ (*'aullak*), sementara dialek Saudi Arabia menyebutkan أَكُولُكَ (*'agullak*). Perbezaan-perbezaan tersebut tidak menyebabkan perubahan dalam maknanya, sampai ke peringkat penutur sehingga saling tidak memahami antara satu sama yang lain dalam penuturannya.

3.4 Huruf Bahasa Melayu

Menurut Abdullah Hassan (1986: 93-94) bahawa huruf-huruf dalam BM mula-mula disusun oleh Wilkinson pada tahun 1904. Kemudian Za'ba membuat beberapa perubahan kepada sistem itu, dan dari situ timbullah "Sistem Za'ba" yang dikenali dengan Ejaan Sekolah. Pada zaman Jepun muncul pula "Ejaan Fajar Asia". Dalam tahun 1956, kongres Bahasa dan persuratan Melayu ke-3 yang diadakan di Singapura telah membuat beberapa keputusan tentang huruf ejaan ini:

a- Ejaan di tanah Melayu dan Indonesia hendaklah disamakan atau disatukan.

b- Peraturan ejaan hendaklah mudah, maka sistem fonemik sebagai sistem yang lebih baik daripada sistem fonetik, dan satu fonem hendaklah digambarkan dengan hanya satu tanda (huruf) sahaja.

c- Pengajaran hendaklah tetap sekata mengikut kaedah yang satu dan semacam.

d- Kata-kata dari bahasa asing hendaklah disesuaikan dengan sistem fonologi Melayu.

Pada tahun 1959, Malaysia dan Indonesia mengadakan rundingan, dan hasilnya adalah Ejaan Malindo. Pada tahun 1967 diadakan rundingan untuk kali yang kedua antara kedua-dua negara tersebut dan sistem ejaan yang disetujui Ejaan Bersama Malaysia Indonesia yang secara umumnya dikenal sebagai "Ejaan Baru".(Lihat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Januari 1985: 71-72 dan Alisjahbana, Jld.1, 1968 :33-34.).

Sehubungan dengan huruf - huruf BM, Abdullah Hasan (1994:1) mengatakan Ada 26 huruf dalam tulisan rumi Bahasa Melayu (BM) untuk melambangkan 25 bunyi konsonan dan bunyi vokal. Oleh sebab bilangan bunyi lebih banyak daripada jumlah huruf, maka ada huruf yang digabungkan untuk melambangkan satu bunyi. Huruf huruf tersebut ialah:

<u>Huruf</u>		<u>Sebutan</u>
A	a	e
B	b	bi
C	c	si
D	d	di
E	e	i
F	f	ef
G	g	ji
H	h	ec
I	I	ai
J	j	je
K	k	ke
L	l	el
M	m	em
N	n	en
O	o	o
P	p	pi
Q	q	kiu
R	r	ar
S	s	es
T	t	ti
U	u	yu
V	v	vi
W	w	dabliu
X	x	eks

Y	y	wai
Z	z	zet

Sepertimana dalam kajian BA, dalam kajian BM juga hanya akan diuraikan perkara-perkara yang berkaitan dengan huruf-hurufnya seperti berikut:

3.4.1 Huruf Vokal

Dalam sistem ejaan rumi ada lima huruf vokal yang digunakan bagi melambangkan lima fonem vokal atau bunyi vokal baku. Huruf-huruf tersebut ialah: *a, i, u, e dan o*.

Huruf	Fonem	Contoh Penggunaan
a	/a/	api padi lusa
i	/i/	itu simpan murni
u	/u/	ulang bumi ibu
e	(i) /e/	emas kena sosialisme
	(ii) /e/	enak petak tauge
o	/o/	oleh kota pidato

Huruf *e pepet* dikenal sebagai huruf *e* bertanda di atas, iaitu *e*, dalam ejaan lama Za'ba (sebelum tahun 1972). Tanda diakritik di atas *e pepet* (*e*) tidak digunakan lagi dalam ejaan Rumi sekarang. (Lht., Ismail Dahaman, 1996 : 20.)

3.4.2 -Huruf Konsonan

Dalam sistem ejaan Rumi terdapat 26 huruf konsonan yang digunakan bagi melambangkan 27 fonem atau bunyi konsonan, iaitu:

<u>Huruf</u>	<u>Fonem</u>	<u>Contoh Penggunaan</u>		
b	/b/	bahasa	sebab	adab
c	/c/	cakap	kaca	Mac
d	/d/	dua	ada	abad
f	/f/	fakir	tafsir	maaf
g	/g/	guna	tiga	beg
gh	/gh/	ghaib	Maghrib	mubaligh
h	/h/	hari	saham	tuah
j	/j/	jalan	manja	kolej
k	/k/	kami	paksa	katak
kh	/kh/	khusus	akhir	tarikh
l	//	lekas	alas	kesal
m	/m/	makan	kami	diam
n	/n/	nama	anak	daun
ng	/ng/	ngilu	angin	pening

ny	/ny/	nyata	hanya	
-p	/p/	pasang	apa	siap
q	/q/	Quran	wuquf	buraq
r	/r/	raih	bara	putar
s	/s/	sampai	asli	lemas
y	/sy/	syarat	isytihar	Quraisy
t	/t/	tali	mata	rapat
v	/v/	vitamin	universiti	
-w	/w/	wanita	hawa	
-x	/x/	xenon	-	
-z	/z/	zaman	lazat	lafaz

Wan Abu Bakar Wan Abas (1995:1-4) mengatakan bahawa dalam 26 huruf konsonan itu, terdapat lima huruf gabungan (digraf) iaitu : gh, kh, ng, ny, dan sy. Selain itu, tiga huruf yang diperkenalkan supaya digunakan secara tetap semenjak tahun 1972 ialah: q, v, dan x. Huruf q digunakan sebagai padanan kepada huruf jawi ق (qaf) untuk mengeja kata istilah agama atau kata yang mengenai agama yang berasal dari Bahasa Arab (BA), seperti:

Qariah	Quran
Qunut	wuquf

Huruf v digunakan untuk mengeja kata serapan daripada bahasa Inggeris (BI) dan bahasa-bahasa Eropah yang lain, dipangkal kata atau di suku kata, sebagaimana yang terdapat dalam ejaan bahasa sumber, contohnya

versi	revolusi
vitamin	subversif
vokasional	universiti

Perlu diketahui di sini, bahawa huruf ve di akhir kata ditukar menjadi huruf f. Seperti:

Active	jadi	aktif
Negative	jadi	negatif

Huruf “x” hanya digunakan pada pangkal kata istilah khusus yang tidak ditukar kepada z, seperti:

<i>xeliphone</i>	jadi	<i>xelofon</i>
<i>xenon</i>	jadi	<i>xenon</i>
<i>xenomorph</i>	jadi	<i>xenomorf</i>

Setiap suku kata BM mempunyai sebuah vokal. Vokal itu dapat didahului atau diikuti oleh konsonan. Dari segi ejaan BM sekarang terdapat sebelas pola suku kata, menurut urutan (K) konsonan dan (V) vokal.

<u>Pola</u>	<u>Contoh pemakaian</u>
1- V	<i>i-bu, gu-a</i>
2- VK	<i>er-ti, ma-in</i>
3- KV	<i>ra-kit, ban-tu</i>
4- KVK	<i>pin-tu, hi-lang</i>
5- KKV	<i>dra-ma, indus-tri</i>
6- KKVK	<i>trak-tor, elek-trik</i>
7- VKK	<i>eks-port</i>
8- KVKK	<i>bank-rap, kon-teks</i>
9- KKVKK	<i>kom-pleks</i>
10- KKKV	<i>stra-tegi, skru</i>
11- KKKVK	<i>struk-tur, spring</i>

Pola (1) hingga (4) terdapat dalam kebanyakan kata dasar BM. Pola (5) hingga (11) memakai huruf konsonan rangkap yang dipinjam dari bahasa Inggris (BI).

Sebelas pola suku kata di dalam BM itu terdiri daripada empat pola suku kata terbuka dan tujuh pola suku kata tertutup. Suku kata terbuka ialah suku kata yang diakhiri oleh huruf vokal, dan suku kata tertutup ialah suku kata yang diakhiri oleh huruf konsonan.

3.5 Hukum Keselarasan Ejaan Kata Serapan dari Bahasa Asing

Sebagaimana lazimnya setiap bahasa yang dituturkan berperanan aktif di tengah-tengah masyarakat tempatan dan antarabangsa. Melalui berbagai-bagai aktiviti yang dilakukan oleh penuturnya, sehingga tidak sedikit perkataan asing yang diserap oleh BM. Menurut Wan Abu Bakar Wan Abas (1995: 26-28) bahawa bagi setiap kata serapan atau pinjaman dari BI ataupun BA dibuat menurut peraturan-peraturan penyesuaian huruf dalam pedoman umum sebutan BM sepenuhnya, seperti dalam contoh-contoh yang berikut:

a- Kata Serapan dari Bahasa Inggeris

Kata	Sebutan
diesel	di + sel
protein	pro + tin
zoologi	zu + lo + gi
psikologi	psi + ko + lo + gi

b-Kata Serapan dari Bahasa Arab

Ejaan Jawi/Arab	Ejaan Rumi	Sebutan
ذَاتٌ	Zat	(zat)
حَاكِمٌ	Hakim	(ha+kim)
صَحَابَةٌ	Sahabat	(sa+ha+bat)
ضُرُورَاتٌ	darurat	(da+ru+rat)
طَلَاقٌ	talak	(ta+laq)
ظَالِمٌ	zalim	(za+lim)
قُبُورٌ	kubur	(ku+bur)

Dengan memperhatikan huraian di atas, maka sebutan bagi kata serapan atau pinjaman khususnya daripada BA bukanlah perkara mudah. Walaupun sudah ada pedoman dan peraturan sebutan dalam "Pedoman Umum Sebutan Baku Bahasa Melayu", namun kesalahan akan dijumpai dalam praktik.

3.6 Penutup

Penulis telah mendapati bahawa huruf-huruf BA memiliki sifat yang tidak terdapat pada huruf BM, seperti kekekalan sebutan hurufnya, di samping itu juga tidak terdapat dalam BA sebutan satu huruf yang diwakili oleh dua huruf. Sedangkan pada BM sebutan hurufnya tidak demikian. Demikian itu kerana

dalam BM terdapat berbagai-bagai ejaan, bermula dari Ejaan Wilkinson, Za'ba, Fajar Asia, Malindo sampai kepada Ejaan Baharu. Begitu juga dalam BM terdapat penyebutan satu huruf yang diwakili oleh dua huruf seperti huruf خ dalam BA yang diwakili oleh dua huruf *kh* dalam BM, huruf ع dalam BA, yang diwakili oleh dua huruf *ng* dalam BM, dan lain sebagainya.